

26/05/2002

Pertemuan Mahathir, Pope sesuai dengan kehendak Islam

KUALA LUMPUR: Islam tidak menghalang umatnya mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan siapa saja tanpa mengira agama, budaya dan bangsa bagi memastikan keamanan dunia dan manusia dapat hidup dengan harmonis.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata Islam amat terbuka dalam perkara itu dan sentiasa menghormati antara satu sama lain tanpa mengira agama dan keturunan.

Malah, katanya, al-Quran menjelaskan bagaimana Tuhan menjadikan manusia ini terdiri daripada pelbagai bangsa dan puak bagi membolehkan mereka bernesra dan mencari jalan untuk memastikan keamanan dunia bagi membolehkan manusia hidup dalam suasana harmoni.

"Sebab itu kita menyambut baik undangan Pope John Paul II yang menjemput Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"(Pertemuan itu) memang sesuai dengan kehendak Islam itu sendiri yang mahu kita bertukar fikiran dan memberikan sumbangan ke arah mewujudkan keharmonian dan keamanan dunia sejagat yang sekarang ini sudah nampak parah keadaannya," katanya selepas menghadiri Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1423 Hijrah yang dirasmikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam.

Turut hadir, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Perdana Menteri; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob dan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman.

Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan yang bertemakan Bersama Hayati Keindahan Islam dimulakan dengan perarakan dari Stadium Hoki Bukit Jalil menuju ke Stadium Putra.

Lebih 5,000 orang terdiri daripada kakitangan kerajaan, badan berkanun, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pelajar institusi pengajian tinggi dan murid sekolah terbabit dalam perarakan itu.

Pada majlis yang sama, Yang di-Pertuan Agong menyampaikan Anugerah Maulidur Rasul 1423 Hijrah kepada lapan pemenang yang masing-masing menerima wang tunai RM2,000, plak dan buku terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Abdul Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas pandangan Islam terhadap jemputan Pope John Paul II kepada Dr Mahathir untuk melawat Vatican, pusat pentadbiran bagi penganut agama Roman Katolik bulan depan.

Jemputan itu atas peribadi Perdana Menteri sebagai pemimpin ulung Islam yang sederhana tetapi mempunyai pengaruh besar di kalangan negara Islam.

Pertemuan yang antara lain dijangka membincangkan konflik Palestin-Israel itu mungkin berlangsung ketika lawatan Dr Mahathir ke Switzerland dan Luxembourg dari 9 hingga 12 Jun ini.

Ditanya kemungkinan pihak tertentu akan mempolitikkan pertemuan itu, Abdul Hamid berkata, perkara itu tidak timbul kerana pendirian Malaysia berhubung soal keganasan, kemanusiaan, keadilan dan keharmonian adalah amat jelas.

(END)